

Najib Berharap Kepimpinan Lama Umno Beri Peluang Kepada Orang Muda Bernama
27 November, 2012

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Harapan agar kepimpinan lama Umno dapat memberi peluang kepada calon muda untuk menjadi wakil rakyat adalah antara yang disentuh Datuk Seri Najib Tun Razak pada Talimat Presiden sempena Perhimpunan Agung Umno 2012.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata presiden Umno itu mahu proses itu dilaksana supaya peremajaan parti dapat dilakukan.

Beliau berkata presiden Umno telah mengadakan rundingan mengenai pemilihan calon parti itu untuk pilihan raya umum ke-13 bersama beliau dan dua lagi naib presiden, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Datuk Seri Shafie Apdal.

Bagaimanapun keputusan akhir akan ditentukan oleh presiden dan timbalan presiden parti Tan Sri Muhyiddin Yassin berdasarkan kriteria calon boleh menang, katanya pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini selepas menghadiri Taklimat Presiden di sini, Selasa.

Ahmad Zahid berkata perdana menteri turut membayangkan bahawa pilihan raya umum tidak akan diadakan pada hujung tahun ini.

Mengenai keyakinan Barisan Nasional (BN) untuk memenangi pilihan raya umum ke-13, beliau berkata presiden Umno bersandarkan survei terhadap sokongan kepada BN yang dijalankan ke atas badan-badan bebas.

"Berdasarkan survei itu, tidak ada satu pun yang memperlihatkan bahawa Umno tidak boleh menang dalam pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau berkata tahap kesiapsiagaan anggota Umno dalam menghadapi pilihan raya umum ke-13 kini berada pada 'gear 5'.

"Presiden parti memberi peringatan kepada kepimpinan Umno di peringkat akar umbi supaya bekerja keras bagi menentukan mandat baharu diberi kepada BN," katanya.

Ahmad Zahid berkata presiden dalam amanatnya juga mengingatkan perwakilan supaya tidak membangkitkan isu-isu yang boleh mengenenpikan sokongan pengundi kaum lain kepada BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712027>